

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Kerlinger (1973) dalam bukunya, *Foundations of Behavioral Research* menyatakan bahawa penyelidikan adalah sebagai satu usaha menganalisis data melalui kaedah saintifik dengan cara yang formal dan sistematik. Ia bertujuan untuk mencari jawapan kepada persoalan atau sesuatu masalah. Manakala Ferman dan Legin (1975), mentakrifkan penyelidikan sebagai satu proses pengumpul maklumat dan menjawab soalan tentang sifat realiti sosial dan politik. Dominowski (1982), menyifatkan penyelidikan sebagai sebarang kegiatan yang mencari fakta dan beliau lebih bersifat pragmatik. Walau apapun, sifat penyelidikan itu adalah bertujuan untuk mendapatkan sesuatu hasil sebagai penambahan kepada ilmu yang ada. Penyelidikan dilakukan mengikut tatacara yang rapi dan mengikut langkah yang tertentu khusus untuk mendapatkan maklumat dan menjawab persoalan yang diutarakan.

Dalam kajian tentang keprihatinan golongan pelajar IPTA terhadap pelaksanaan *MSC*, beberapa metodologi akan digunakan untuk mengetahui faktor yang mempengaruhi keprihatinan mereka. Kajian dibuat untuk melihat pendapat, penglibatan dan sikap mereka terhadap pelaksanaan projek ini melalui saluran media yang digunakan iaitu 'Lebu Raya Maklumat' atau mungkin melalui media lain yang ada. Untuk tujuan ini, kaedah yang diguna dalam analisis kandungan ialah kaedah pengumpulan data melalui tinjauan serta pemerhatian yang menggunakan soalan soal selidik berbentuk 'tertutup' dan 'terbuka'. Kaedah ini akan menghasilkan data dalam bentuk kuantitatif dan kualitatif. Data kuantitatif akan dinyatakan dalam bentuk statistik

dan boleh mengukur fenomena yang dikaji dalam bentuk data. Data kualitatif akan dinyatakan dalam bentuk huraian laporan bertulis secara deskriptif.

3.2 Pendekatan Kajian

Syed Arabi Idid (1992) dalam bukunya berjudul, 'Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial', mentakrifkan reka bentuk kajian sebagai satu perancangan yang membolehkan pengkaji menjalankan kajiannya. Manakala Kerlinger (1973), menambah bahawa reka bentuk yang sesuai boleh mengawal varians yang tidak berkait dengan penyelidikan. Ini bermakna pemboleh ubah yang tidak berkaitan diasingkan daripada mempengaruhi penyelidikan. Jelas bahawa satu perancangan yang rapi perlu dibuat bagi tujuan merangka reka bentuk kajian yang sempurna supaya hasil yang diperoleh itu tepat dan sesuai dengan objektif kajian.

Dalam kajian ini, penekanan diberikan kepada kajian yang berkait dengan data kuantitatif yang diperoleh daripada soalan yang dikemukakan dalam bentuk soal selidik. Data ini dinyatakan dalam bentuk perangkaan. Maklumat data akan didapati daripada sejumlah responden yang telah dikenal pasti dari beberapa buah IPTA. Soalan akan dikemukakan mengikut kategori soalan campuran terdiri daripada soalan 'tertutup' dan soalan 'terbuka'. Struktur soalan tertutup berbentuk soalan yang digubal secara memilih jawapan yang telah disediakan oleh pengkaji. Soalan begini lebih piawai dan dapat dibandingkan jawapannya antara satu sama lain. Manakala soalan terbuka, jawapannya tidak disediakan untuk responden dan responden akan menentukan jawapannya sendiri. Dalam kajian ini, kedua-dua bentuk soalan digunakan bertujuan untuk mendapat jawapan yang lebih jelas daripada responden. Maklumat

yang diperoleh melalui cara ini lebih cepat dan tepat. Data akan dikumpulkan, diproses dan dianalisis bagi mendapatkan jawapan yang diperlukan.

Data kualitatif tidak dinyatakan dalam bentuk perangkaan. Ia diperoleh daripada soalan soal selidik terbuka dan melalui temubual dengan responden secara bersemuka. Maklumat yang diperoleh adalah daripada pandangan dan pendapat responden terhadap isu yang dikaji. Data yang diperoleh lebih menjurus kepada kebebasan untuk memberikan jawapan yang tidak dijangka oleh pengkaji. Pada kebiasaannya, data ini lebih berguna untuk kajian awalan yang jawapannya tidak dapat ditentukan dan kajian yang memerlukan jawapan dalam pelbagai kategori. Kategorinya boleh ditentukan kemudian setelah jawapan diperoleh. Bagaimanapun, terdapat kebebasan memberikan pandangan dan pendapat, sehinggakan jawapan boleh dianggap tidak wajar, namun data yang diperoleh masih ada kesahihannya tetapi tidak merupakan maklumat yang tepat dalam kajian. Oleh itu, soalan terbuka ini jarang digunakan oleh pengkaji kerana dikhuatiri tidak akan mendapat jawapan yang tetap.

Begitu juga dalam kajian ini, soalan terbuka hanya ditumpukan pada satu soalan yang meminta pandangan responden iaitu *cadangan bagaimana untuk mempertingkatkan pengetahuan masyarakat tentang MSC*. Bagi mendapatkan jawapan yang tepat, soalan bersifat khusus lebih dititikberatkan daripada soalan umum. Untuk menjelaskan lagi jawapan kajian maka maklumat di media massa, buku rujukan, internet, bahan seminar dan sebagainya turut membantu dalam analisis data secara kualitatif. Kaedah ini membolehkan gambaran yang luas dapat dikumpulkan bagi mendapatkan kupasan analisis yang tepat dan padat tentang persoalan yang agak samar dikaji dalam permasalahan ini.

3.3 Kaedah Pengumpulan Data

Dalam kajian ini, beberapa bahagian soalan digubal bagi mengenal pasti tahap mengikut objektif yang dikaji. Soalan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:

- i. Bahagian A: *MSC* dan Anda – 21 soalan.
- ii. Bahagian B: Implementasi Kerajaan – enam soalan.
- iii. Bahagian C: Maklumat Umum – 17 soalan (termasuk empat soalan pecahan, lima soalan skala Likert Lima Mata dan satu soalan terbuka).

3.3.1 Bahagian A: *MSC* dan Anda

Bahagian *MSC* dan Anda mempunyai 21 soalan tertutup yang berstruktur dengan jawapan diberikan untuk dipilih dan mengisi tempat yang dikosongkan untuk tambahan kepada jawapan yang diberikan. Arahan yang diberi ialah tandakan /, bulatkan atau isikan tempat kosong di mana sesuai. Kesemua 21 soalan yang dibina merupakan soalan yang berkait dengan pengetahuan responden tentang *MSC*. Soalan dikategorikan kepada dua bahagian seperti yang berikut:

- (a) Pengetahuan tentang *MSC*

Jadual 3.1: Kategori Soalan Pengetahuan Tentang *MSC*.

Bilangan	Bentuk Soalan Berdasarkan Pengetahuan tentang <i>MSC</i>	Nombor Soalan	Jumlah
1.	Pengenalan logo dan maklumat memperolehnya	Soalan 1	1
2.	Objektif penubuhan <i>MSC</i>	Soalan 2	1
3.	Tahun penubuhan <i>MSC</i>	Soalan 3	1
4.	Identiti bentuk <i>MSC</i>	Soalan 4	1
5.	Sumber media yang menyalurkan maklumat tentang <i>MSC</i>	Soalan 5	1
			5

Pembahagian soalan dalam bahagian ini dibahagikan kepada lima kategori soalan yang memberikan implikasi bahawa kajian yang dilakukan adalah berkait dengan pengetahuan responden tentang *MSC*. Walaupun tidak banyak soalan dibina tetapi soalan yang ada ini sudah mencukupi untuk membuat penilaian sedikit sebanyak tentang pengetahuan responden terhadap *MSC*. Sekiranya asas pengetahuan tentang *MSC* tidak diketahui langsung oleh responden maka ternyata objektif kajian tidak akan tercapai dalam konteks membentuk keprihatinan golongan pelajar. Oleh itu, amat penting sekali soalan pengenalan ini diajukan selaku pengenalan kepada unsur kajian yang selanjutnya.

(b) Pengurusan dan Pentadbiran *MSC*

Jadual 3.2: Kategori Soalan Pengurusan dan Pentadbiran *MSC*.

Bilangan	Kategori Soalan Berdasarkan Pengurusan dan Pentadbiran <i>MSC</i>	Nombor Soalan	Jumlah
1.	Organisasi pengurusan dan pentadbiran <i>MSC</i>	Soalan 6, 7 dan 10	3
2.	Undang-undang dan polisi	Soalan 8	1
3.	Fungsi	Soalan 9	1
4.	Aplikasi multimedia	Soalan 11-15	5
5.	Perkembangan dan pembangunan media	Soalan 16 - 21	6
			16

Dalam Bahagian (b), pengetahuan responden juga diuji dengan soalan tentang organisasi pengurusan dan pentadbiran, undang-undang dan polisi serta fungsi bertujuan untuk melihat sejauh mana pengetahuan responden tentang pengurusan organisasi *MSC*. Sekiranya maklumat asas sudah ada pada pengetahuan mereka dan ditambah pula dengan pengetahuan tentang pengurusan, pentadbiran dan polisi, maka

ternyata bahawa golongan sasaran yang dikaji memperlihatkan minat dan prihatin mereka ke arah penubuhan *MSC* ini. Walau apapun, soalan aplikasi multimedia dan pembangunan serta perkembangan media perlu diberikan penekanan dan kupasan yang mendalam kerana soalan ini menjurus kepada pokok persoalan yang dikaji dalam kajian.

Dalam kajian, objektifnya ialah untuk melihat sejauh mana peranan yang dimainkan oleh perkembangan media ini yang boleh dikaitkan dengan unsur yang membentuk keprihatinan pelajar terhadap aplikasi yang diusahakan oleh *MSC*. Oleh yang demikian, kategori soalan ini agak banyak bilangannya dan jawapan yang diharapkan itu akan berkait dengan sikap dan pengamatan responden terhadap aplikasi ini. Soalan perkembangan dan pembangunan media akan dilihat dari aspek penyebaran dan kekuatan peranan yang dimainkannya dalam saluran 'lebu raya maklumat'.

3.3.2 Bahagian B: Implementasi Kerajaan

Bahagian B, Implementasi Kerajaan ini memberikan enam soalan tertutup yang berstruktur. Format yang digunakan adalah sama seperti soalan di Bahagian A. Bahagian ini mengandungi enam soalan yang berkait dengan pelaksanaan dan inisiatif kerajaan dalam menangani projek *MSC* seperti yang berikut:

Jadual 3. 3: Kategori Soalan Berdasarkan Implementasi Kerajaan.

Bilangan	Kategori Soalan Berdasarkan Implementasi Kerajaan	Nombor Soalan	Jumlah
1.	Inisiatif yang dilancarkan oleh kerajaan	Soalan 1	1
2.	Laman web kerajaan dan polisinya	Soalan 2	1
3.	Polisi kerajaan tentang celik IT	Soalan 3	1
4.	Usaha kerajaan dalam k-ekonomi	Soalan 4	1
5.	Teknologi kad pintar	Soalan 5	1
6.	Penghalang kepada perkembangan 'on-line'	Soalan 6	1
			6

Kesemua soalan dalam bahagian ini memerlukan jawapan yang berkait dengan sejauh mana pengetahuan, penglibatan dan pandangan responden terhadap implementasi kerajaan dalam pembangunan projek *MSC*. Sebahagian soalan memberikan laluan penjelasan dan memudahkan responden mengetahui tentang implementasi ini misalnya, soalan 1 memberikan contoh penggunaan kad *Touch N Go*. Secara tidak langsung, responden akan mengetahui bahawa kad ini memainkan peranan dalam pengurusan dan pentadbiran perkhidmatan awam.

Begitulah struktur soalan yang dibina akan berkait dengan matlamat untuk melihat sejauh mana wujudnya keprihatinan responden terhadap implementasi kerajaan. Dalam konteks ini, soalan cuba mencungkil sebanyak mana pengetahuan yang diketahui oleh responden dalam kehidupan pelajar yang sentiasa bergelumang dengan maklumat. Kita akan dapat melihat apakah kecenderungan tumpuan pelajar dan apakah faktor lain yang turut menyumbang ke arah kecenderungan ini? Adakah media yang menyalurkan maklumat di dalamnya berperanan selaku agen kepada perubahan

sikap pelajar? Atau faktor lain juga turut berfungsi memainkan peranan yang sama. Jawapan kepada soalan ini dapat dilihat dalam Bab 4: Dapatan dan Analisis Data yang akan menghuraikan secara terperinci setiap satu pendekatan yang diberikan.

3.3.3 Bahagian C: Maklumat Umum

Bahagian C, Maklumat Umum mengandungi tujuh soalan tertutup yang berstruktur tetapi bercampur dengan empat soalan pecahan daripada soalan nombor 7, lima soalan berbentuk skala *Likert* Lima Mata dan satu soalan terbuka yang meminta cadangan. Jumlah kesemua soalan ialah 17 di dalam empat kategori soalan seperti jadual yang berikut:

Jadual 3.4: Kategori Soalan Berdasarkan Maklumat Umum Tentang *MSC*.

Bilangan	Kategori Soalan Berdasarkan Maklumat Umum	Nombor Soalan	Jumlah
1.	Pengetahuan tentang media lain dan tujuan penggunaannya	Soalan 1- 6	6
2.	Pengetahuan tentang <i>MSC</i> dan projek pelaksanaannya	Soalan 7 - 8 (Soalan 7 terdapat 4 soalan pecahan)	5
3.	Kenyataan tentang <i>MSC</i>	Daripada soalan 8 (1 - 5 soalan pecahan)	5
4.	Cadangan tingkatkan pengetahuan	Soalan 6 (soalan terbuka)	1
			17

Berdasarkan maklumat umum yang diminta oleh soalan di atas, kajian masih mahu melihat sejauh mana pengetahuan yang dimiliki oleh setiap responden. Ini bertujuan untuk mendapatkan tahap peratusan mereka yang sangat prihatin dengan pembentukan *MSC*. Sekiranya maklumat diketahui sepenuhnya oleh responden ini maka kajian akan menunjukkan pelajar sememangnya prihatin dengan pelaksanaan

kerajaan. Kajian harus pula melihat peranan yang dimainkan oleh komunikasi dalam mempengaruhi sifat keprihatinan ini.

Menurut Devito (1986), komunikasi antara individu merupakan satu proses penyampaian mesej oleh seorang individu dan penerima mesej oleh individu yang lain atau sekumpulan individu dengan mendapatkan maklum balas yang serta-merta. Adakah konteks ini menepati ruang lingkup kajian atau mungkin terdapat faktor lain yang sama-sama memainkan peranan dalam satu kumpulan masyarakat yang berilmu. Kajian perlu melihat kepentingan media sebagai satu saluran maklumat yang penting untuk pengguna dan melihat kepentingan maklumat yang boleh mempengaruhi mereka. Dengan ini, kajian akan berjaya memperoleh dapatan yang bertepatan dengan objektif yang dikaji secara menyeluruh.

3.4 Sampel Kajian

Dalam kajian yang menggunakan soalan soal selidik seperti ini, kebiasaannya persampelan diguna selaku pengukur untuk mendapatkan maklumat data. Maklumat data yang diperoleh akan bergantung kepada saiz persampelan yang digunakan. Sekiranya saiz sampel yang digunakan lebih besar maka dapatan dari segi nilai puratanya akan menepati purata populasi yang ada. Oleh itu, berdasarkan tajuk di atas, kajian akan menjadikan golongan pelajar IPTA selaku elemen yang dikaji kerana objektif kajian adalah untuk melihat tahap keprihatinan mereka terhadap pelaksanaan *MSC*. Tujuan ini berkait dengan matlamat pembangunan negara dalam era perkembangan maklumat dan komunikasi yang memberi penekanan penting kepada pelajar selaku masyarakat yang bermaklumat.

Informan kajian merupakan pelajar IPTA dari 10 buah universiti di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Universiti tersebut ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Jumlah responden yang diambil ialah 1200 pelajar yang dipilih berdasarkan pecahan seperti:

- i. Tahap Pengajian.
- ii. Bidang Pengajian atau Fakulti.
- iii. Gender.
- iv. Etnik.
- v. Umur.

Tahap Pengajian – Kajian yang dilakukan ini hanya memberi fokus kepada pelajar peringkat Ijazah dari Tahun Satu sehingga Tahun Tiga. Namun, kajian masih boleh mengambil kira pelajar Tahun Empat dan Tahun Lima yang seterusnya berdasarkan taburan jumlah pelajar untuk setiap fakulti. Contoh, sekiranya lima orang pelajar lelaki diperlukan di Fakulti Perniagaan dan Perakaunan maka tidak semestinya pilihan pelajar ini dihadkan pada mereka di tahap Tahun Satu sehingga Tahun Tiga sahaja. Pengkaji juga boleh mengambil kira pelajar Tahun Empat atau mengambil lebih daripada seorang pelajar yang sama tahun.

Bidang Pengajian atau Fakulti – Setiap universiti mempunyai beberapa fakulti pengajian sebagai bidang pengkhususan dan pilihan mengikut minat dan kelulusan pelajar. Dalam kajian ini, kesemua fakulti yang ada di setiap universiti yang dikaji

diambil kira sebagai sumber mendapatkan data dan jumlah fakulti di UM ialah 16 fakulti, UKM 11 fakulti, UPM 15 fakulti, UIAM sembilan fakulti, UiTM tujuh fakulti, USM 13 fakulti, UUM 13 fakulti, UTM lapan fakulti, UMS 11 fakulti dan UNIMAS 10 fakulti. Kajian di UIAM dan UiTM tidak mengambil kira jumlah fakulti secara keseluruhan kerana di UIAM, setengah-setengah fakulti seperti Fakulti Perubatan berada di luar kawasan kampus.

Dalam kesemua fakulti ini terdapat pula pelbagai pengajian program untuk pelajar memilih dan mengikuti pengajian berdasarkan kesesuaian bidang yang mereka minati. Contohnya, di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya terdapat pelbagai program pengajian seperti Program Pengajian Penerbitan, Program Pengajian Sejarah, Program Pengajian Antarabangsa dan sebagainya. Untuk mendapatkan kajian yang agak menyeluruh dari segi melihat sikap dan tindak balas pelajar terhadap sifat keprihatinan ini maka bersesuaian sekali responden dari pelbagai program pengajian diambil kira. Walau bagaimanapun, pemilihan pelajar atau responden boleh dipilih sesiapa sahaja dalam apa jua program pengajian yang ada tanpa had dan batasannya.

Gender – Kajian memberikan perhatian kepada golongan lelaki dan perempuan dengan jumlah bilangan yang agak sama rata dan seimbang. Tetapi memandangkan golongan perempuan yang ramai memasuki universiti, kajian oleh itu memberikan jumlah bilangan yang agak lebih kepada golongan perempuan. Perbezaannya dapat dilihat daripada jumlah pengambilan pelajar perempuan di UM sebanyak 101 pelajar berbanding 99 pelajar lelaki. Di UKM, jumlah bilangan pelajar ialah 65 pelajar perempuan berbanding 60 pelajar lelaki. Di UPM, UIAM dan UiTM, 69 pelajar perempuan berbanding 56 pelajar lelaki. Manakala di USM pula, 58 pelajar perempuan

berbanding 42 pelajar lelaki, begitu juga dengan UUM, UTM, UMS dan UNIMAS, kesemuanya berdasarkan 58 pelajar perempuan dan 42 pelajar lelaki.

Etnik – Secara keseluruhan, kajian memberi tumpuan kepada pemilihan bangsa Melayu, Cina, India dan lain-lain. Rata-rata inilah bangsa yang ada di kawasan kajian dan mereka merupakan populasi negara yang berbilang walaupun menganuti pelbagai agama. Di enam buah universiti iaitu UM, UKM, UPM, USM, UUM dan UTM, bangsa Melayu, Cina dan India diambil kira dalam kajian tetapi di UIAM dan UiTM hanya bangsa Melayu sahaja dijadikan fokus kerana kedua-dua buah universiti ini memegang kepada dasar pengambilan pelajar berbangsa Melayu sahaja walaupun di UIAM, dasarnya memberi peluang kepada pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pengajian di negara ini. Tetapi mereka tidak diambil kira kerana kajian tertumpu kepada responden tempatan sahaja. Begitu juga tumpuan kajian di UMS dan UNIMAS, di samping pelajar Melayu, pelajar berbangsa lain juga diambil kira seperti pelajar dari pelbagai suku kaum yang terdapat di Sabah dan Sarawak.

Jumlah bilangan pelajar yang tinggi diambil daripada golongan pelajar berbangsa Melayu dan Cina kerana mereka merupakan pelajar paling ramai memasuki universiti. Pelajar berbangsa Cina diletakkan sebanyak 99 pelajar di UM berbanding 89 pelajar berbangsa Melayu. Manakala di UKM, jumlah pelajar berbangsa Cina diletakkan sebanyak 64 pelajar berbanding 55 pelajar berbangsa Melayu. Di UPM, jumlah pelajar berbangsa Cina ialah 55 kurang sedikit berbanding jumlah pelajar berbangsa Melayu sebanyak 62 pelajar. Di USM, UUM dan UTM, jumlah pelajar berbangsa Cina juga turut diletakkan sebanyak 47 pelajar berbanding 41 pelajar berbangsa Melayu di USM, UUM dan 40 di UTM. Purata jumlah pelajar yang melebihi

di UM, UKM, USM, UUM dan UTM memadai untuk mengimbangi jumlah pelajar berbangsa Cina yang tiada di UIAM dan UiTM. Secara keseluruhannya, golongan pelajar berbangsa India amat sedikit bilangan mereka yang memasuki universiti. Jumlah bilangan mereka yang dijadikan responden ialah 63 pelajar sahaja berbanding bilangan pelajar bangsa lain. Tetapi jumlah pelajar dari pelbagai suku kaum di Sabah dan Sarawak agak ramai bilangannya iaitu sebanyak 115 pelajar berbanding pelajar berbangsa India.

Umur – Kajian yang dilakukan memberi tumpuan kepada responden yang berumur dalam lingkungan 17 tahun sehingga 45 tahun. Tahap umur ini diambil kira memandangkan pelajar Tahun Satu yang memasuki universiti rata-rata berumur 17 tahun dan pelajar tahun akhir iaitu Tahun Tiga atau Tahun Lima boleh menjangkau sehingga umur 45 tahun khususnya pelajar yang sudah bekerja tetapi menyambung semula pengajian di peringkat Ijazah.

Berdasarkan data ini kita dapati jumlah pecahan pelajar mengikut universiti ialah seperti yang berikut:

i.	Universiti Malaya:	200 responden
ii.	Universiti Kebangsaan Malaysia:	125 responden
iii.	Universiti Putra Malaysia:	125 responden
iv.	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia:	125 responden
v.	Universiti Teknologi MARA:	125 responden
vi.	Universiti Sains Malaysia:	100 responden
vii.	Universiti Utara Malaysia:	100 responden
viii.	Universiti Teknologi Malaysia:	100 responden
ix.	Universiti Malaysia Sabah:	100 responden
x.	Universiti Malaysia Sarawak:	100 responden

i. Universiti Malaya

Jadual 3.5: Pecahan Pelajar UM Mengikut Fakulti.

Bilangan	Jumlah Fakulti (16)	Responden Lelaki (99)	Respopnden Perempuan (101)	Bangsa Melayu (89) Cina (99) India (12)	Jumlah soal selidik (200)
1.	Fakulti Sastera dan Sains Sosial	3 3 1	3 3 1	M C I	6 6 = 14 2
2.	Fakulti Pendidikan	3 3 1	3 3 1	M C I	6 6 = 14 2
3.	Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat	2 4 1	2 3 1	M C I	4 7 = 13 2
4.	Fakulti Bahasa dan Linguistik	3 2 1	3 2 1	M C I	6 4 = 12 2
5.	Fakulti Alam Bina	3 4 -	3 3 -	M C I	6 7 = 13 -
6.	Akademi Pengajian Melayu	3 - -	3 5 -	M C I	6 5 = 11 -
7.	Akademi Pengajian Islam	6 - -	5 - -	M C I	11 - = 11 -
8.	Fakulti Undang-Undang	2 5 1	2 3 1	M C I	4 8 = 14 2
9.	Fakulti Perniagaan dan Perakaunan	1 5 -	2 3 -	M C I	3 8 = 11 -
10.	Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran	3 4 -	3 4 -	M C I	6 8 = 14 -
11.	Fakulti Pergigian	2 4 -	3 4 -	M C I	5 8 = 13 -
12.	Fakulti Kejuruteraan	3 7 -	3 5 -	M C I	6 12 = 18 -
13.	Fakulti Sains	2 4 -	3 4 -	M C I	5 8 = 13 -
14.	Fakulti Perubahan	3 1 -	3 1 -	M C I	6 2 = 8 -

15.	Pusat Sukan	3 2 1	2 3 1	M C I	5 5 = 12 2
16.	Pusat Kebudayaan	2 1 -	2 4 -	M C I	4 5 = 9 -
JUMLAH	-	99	101	-	200

Jadual di atas menunjukkan jumlah pelajar di Universiti Malaya ialah 200 pelajar yang terdiri daripada golongan lelaki sejumlah 99 pelajar dan perempuan 101 pelajar. Bilangan mereka yang berbangsa Melayu ialah 89 pelajar, Cina 99 pelajar dan India 12 pelajar. Jumlah fakulti yang dikenal pasti ialah 16 dan jumlah bilangan pelajar bagi setiap fakulti ialah 18, 14, 13, 12, 11, sembilan dan lapan pelajar. Satu fakulti menggunakan 18 pelajar, empat fakulti menggunakan 14 pelajar, empat fakulti lain menggunakan 13 pelajar, dua fakulti menggunakan 12 pelajar, tiga fakulti lagi menggunakan 11 pelajar, satu fakulti sembilan pelajar, dan satu fakulti menggunakan lapan pelajar.

ii. **Universiti Kebangsaan Malaysia**

Jadual 3. 6: Pecahan Pelajar UKM Mengikut Fakulti.

Bilangan	Jumlah Fakulti (11)	Responden Lelaki (60)	Responden Perempuan (65)	Bangsa Melayu (55) Cina (64) India (6)	Jumlah soal selidik (125)
1.	Fakulti Ekonomi dan Perniagaan	2 4 1	2 3 1	M C I	4 7 = 13 2
2.	Fakulti Kejuteraan	2 4 -	3 3 1	M C I	5 7 = 13 1
3.	Fakulti Pendidikan	5 1 1	2 3 1	M C I	7 4 = 13 2
4.	Fakulti Pengajian Islam	5 - -	6 - -	M C I	11 - = 11 -
5.	Fakulti Pergigian	1 1 1	3 3 -	M C I	4 4 = 9 1
6.	Fakulti Perubatan	2 3 -	3 3 -	M C I	5 6 = 11 -
7.	Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu	2 5 -	3 3 -	M C I	5 8 = 13 -
8.	Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan	2 3 -	3 5 -	M C I	5 8 = 13 -
9.	Fakulti Sains dan Teknologi	2 3 -	3 1 -	M C I	5 4 = 9 -
10.	Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat	- 5 -	- 5 -	M C I	- 10 = 10 -
11.	Fakulti Undang-Undang	2 3 -	2 3 -	M C I	4 6 = 10 -
JUMLAH	-	60	65	-	125

Jadual di atas menunjukkan jumlah pelajar yang diambil ialah 125 pelajar iaitu 60 pelajar lelaki dan 65 pelajar perempuan. Mereka yang berbangsa Melayu ialah 55 pelajar, Cina 64 pelajar dan India enam pelajar. Jumlah fakulti yang dikenal pasti ialah 11 manakala jumlah bilangan pelajar bagi setiap fakulti ialah 13, 11, 10 dan sembilan. Lima fakulti menggunakan 13 pelajar selaku responden, dua fakulti menggunakan 11

pelajar, dua fakulti lagi menggunakan 10 pelajar dan dua fakulti yang lain menggunakan sembilan pelajar.

iii. Universiti Putra Malaysia

Jadual 3.7: Pecahan Pelajar UPM Mengikut Fakulti.

Bilangan	Jumlah fakulti (15)	Responden Lelaki (56)	Responden Perempuan (69)	Bangsa Melayu (62) Cina (55) India (8)	Jumlah Soal Selidik (125)
1.	Fakulti Pertanian	3 1 1	3 2 1	M C I	6 3 = 11 2
2.	Fakulti Perhutanan	2 2 1	3 2 1	M C I	5 4 = 11 2
3.	Fakulti Perubatan Veterinar	1 1 -	2 - -	M C I	3 1 = 4 -
4.	Fakulti Ekonomi dan Pengurusan	2 6 1	3 5 -	M C I	5 11 = 17 1
5.	Fakulti Kejuruteraan	1 4 -	3 2 -	M C I	4 6 = 10 -
6.	Fakulti Pengajian Pendidikan	2 1 -	2 3 -	M C I	4 4 = 8 -
7.	Fakulti Sains	2 6 -	3 5 -	M C I	5 11 = 16 -
8.	Fakulti Sains dan Teknologi Makanan	2 - -	3 1 -	M C I	5 1 = 6 -
9.	Fakulti Ekologi Manusia	1 - -	2 1 -	M C I	3 1 = 4 -
10.	Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi	2 1 -	2 2 -	M C I	4 3 = 7 -
11.	Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina	1 - -	1 - -	M C I	2 - = 2 -
12.	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	2 1 -	3 3 -	M C I	5 4 = 9 -
13.	Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat	2 1 -	2 2 -	M C I	4 3 = 7 -

14.	Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul	2 1 1	2 - 1	M C I	4 1 2 = 7
15.	Fakulti Pengajian Alam Sekitar	1 1 -	2 1 1	M C I	3 2 1 = 6
JUMLAH	-	56	69	-	125

Berdasarkan jadual di atas, jumlah pelajar di universiti ini yang dijadikan responden ialah 125 pelajar iaitu 56 pelajar daripada golongan lelaki dan 69 pelajar perempuan. Manakala mereka yang berbangsa Melayu 62 pelajar, Cina 55 pelajar dan India lapan pelajar. Jumlah fakulti ialah 15 dan jumlah taburan pelajar berdasarkan fakulti ialah 17, 16, 11, 10, sembilan, lapan, tujuh, enam, empat dan dua pelajar. Satu fakulti menggunakan 17 pelajar, satu fakulti menggunakan 16 pelajar, dua fakulti menggunakan 11 pelajar, satu fakulti menggunakan 10 pelajar, satu fakulti menggunakan sembilan pelajar, satu fakulti menggunakan lapan pelajar, tiga fakulti menggunakan tujuh pelajar, dua fakulti menggunakan enam pelajar, dua fakulti menggunakan empat pelajar dan satu fakulti menggunakan dua pelajar. Fakulti Perubatan Veterinar dan Fakulti Ekologi Manusia hanya memperoleh empat pelajar sahaja dan Fakulti Reka Bentuk dan Seni bina hanya dua pelajar. Masalah ketidakseimbangan ini adalah kerana kebanyakan pelajar terlalu sibuk menangani projek atau 'assignment' sehinggakan mereka sukar diganggu. Pelajar di Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina pula sedang membuat kerja lapangan di kawasan luar kampus sewaktu kajian dilakukan. Oleh yang demikian, taburan jumlah mereka diperoleh dari fakulti lain seperti Fakulti Ekonomi dan Pengurusan serta Fakulti Sains. Pelajar ini amat senang ditemui. Walau apapun, pemilihan responden masih berdasarkan jumlah gender dan bangsa yang ditetapkan.

iv. **Universiti Islam Antarabangsa Malaysia**

Jadual 3.8: Pecahan Pelajar UIAM Mengikut Fakulti.

Bilangan	Jumlah Fakulti (9)	Responden Lelaki (56)	Responden Perempuan (69)	Bangsa Melayu (125)	Jumlah Soal Selidik (125)
1.	Undang-Undang	8 - -	8 - -	M - -	16 - = 16 -
2.	Seni Bina dan Reka Bentuk Alam Sekitar	9 - -	10 - -	M - -	19 - = 19 -
3	Ekonomi dan Sains Pengurusan	5 - -	5 - -	M - -	10 - = 10 -
4.	Kejuruteraan	6 - -	8 - -	M - -	14 - = 14 -
5.	Teknologi Maklumat dan Komunikasi	6 - -	8 - -	M - -	14 - = 14 -
6.	Ilmu Pengetahuan Wahyu dan Sains Kemanusiaan	6 - -	10 - -	M - -	16 - = 16 -
7.	Sains Kemanusiaan	7 - -	7 - -	M - -	14 - = 14 -
8.	Sains	5 - -	8 - -	M - -	13 - = 13 -
9.	Bahasa dan Pendidikan	4 - -	5 - -	M - -	9 - = 9 -
JUMLAH	-	56	69	-	125

Dalam jadual di atas, jumlah pelajar yang dijadikan responden ialah 125 pelajar yang terdiri daripada golongan lelaki 56 pelajar dan perempuan 69 pelajar. Kesemua mereka daripada jumlah 125 pelajar ini terdiri daripada bangsa Melayu kerana kajian tidak mengambil kira responden berbangsa lain iaitu pelajar antarabangsa dari luar negara. Jumlah fakulti yang diambil kira ialah sembilan manakala taburan pelajar mengikut fakulti secara keseluruhan ialah 19, 16, 14, 13, 10 dan sembilan. Satu fakulti menggunakan 19 pelajar, dua fakulti menggunakan 16 pelajar, tiga fakulti menggunakan 14 pelajar, satu fakulti menggunakan 13 pelajar, satu fakulti lain

menggunakan 10 pelajar dan satu fakulti lagi menggunakan sembilan pelajar. Masalah keseimbangan bilangan jumlah pelajar juga tidak ditepati kerana terdapat kesulitan yang sama seperti pelajar sibuk menyiapkan projek dan latihan yang diberikan kepada mereka.

v. **Universiti Teknologi MARA**

Jadual 3. 9: Pecahan Pelajar UiTM Mengikut Fakulti.

Bilangan	Jumlah Fakulti (7)	Responden Lelaki (56)	Responden Perempuan (69)	Bangsa Melayu (125)	Jumlah Soal Selidik (125)
1.	Fakulti Teknologi Maklumat dan Sains Kuantitatif	8 - -	9 - -	M C I	17 - = 17 -
2.	Fakulti Ekonomi dan Pengurusan	8 - -	9 - -	M C I	17 - = 17 -
3.	Fakulti Sains Sukan	8 - -	9 - -	M C I	17 - = 17 -
4.	Fakulti Sains	8 - -	11 - -	M C I	19 - = 19 -
5.	Fakulti Kejuruteraan	8 - -	11 - -	M C I	19 - = 19 -
6.	Fakulti Seni Bina, Perancangan dan Ukur	8 - -	11 - -	M C I	19 - = 19 -
7.	Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka	8 - -	9 - -	M C I	17 - = 17 -
JUMLAH	-	56	69	-	125

Mengikut pecahan di atas, jumlah responden di universiti ini ialah 125 pelajar yang terdiri daripada pelajar lelaki sejumlah 56 pelajar dan perempuan 69 pelajar. Kesemua bilangan mereka ialah berbangsa Melayu sejumlah 125 pelajar manakala jumlah fakulti yang diambil kira ialah tujuh fakulti walaupun beberapa fakulti lain tidak diberikan tumpuan. Pemilihan hanya dibuat berdasarkan fakulti yang mempunyai pelajar yang boleh memberikan kerjasama untuk menjawab soal selidik yang

diagihkan. Taburan pelajar mengikut fakulti ialah 19 dan 17. Tiga fakulti menggunakan 19 pelajar selaku responden manakala empat fakulti yang lain menggunakan 17 pelajar.

vi. **Universiti Sains Malaysia**

Jadual 3.10: Pecahan Pelajar USM Mengikut Fakulti.

Bilangan	Jumlah Fakulti (13)	Responden Lelaki (42)	Responden Perempuan (58)	Etnik Melayu (41) Cina (47) India (12)	Jumlah Soal Selidik (100)
1.	Pengajian Ilmu Kemanusiaan	3 4 1	3 4 2	M C I	6 8 = 17 3
2.	Pengajian Ilmu Pendidikan	2 3 1	2 4 2	M C I	4 7 = 14 3
3.	Pengajian Sains Kajihayat	1 3 1	2 3 2	M C I	3 6 = 12 3
4.	Pengajian Pengurusan	1 2 1	1 2 2	M C I	2 4 = 9 3
5.	Pengajian Sains Kemasyarakatan	2 2 -	1 3 -	M C I	3 5 = 8 -
6.	Pengajian Sains Komputer	1 1 -	2 2 -	M C I	3 3 = 6 -
7.	Pengajian Sains Farmasi	1 1 -	2 2 -	M C I	3 3 = 6 -
8.	Pengajian Komunikasi	1 - -	2 2 -	M C I	3 2 = 5 -
9.	Pengajian Sains Matematik	1 1 -	2 1 -	M C I	3 2 = 5 -
10.	Pengajian Seni	1 1 -	2 1 -	M C I	3 2 = 5 -
11.	Pengajian Sains Kimia	1 1 -	2 1 -	M C I	3 2 = 5 -
12.	Pengajian Teknologi Industri	1 1 -	2 1 -	M C I	3 2 = 5 -
13.	Pengajian Fizik	1 1 -	1 - -	M C I	2 1 = 3 -
JUMLAH	-	42	58	-	100

Pecahan pelajar dalam jadual di atas menunjukkan 100 pelajar telah dijadikan responden dan mereka ini terdiri daripada golongan lelaki 42 pelajar dan perempuan 58 pelajar. Manakala bilangan yang berbangsa Melayu ialah 41 pelajar, Cina 47 pelajar dan India 12 pelajar. Manakala jumlah bilangan fakulti ialah 13 dan jumlah pembahagian pelajar mengikut fakulti ialah 17, 14, 12, sembilan, lapan, enam, enam, lima, lima, lima, lima, lima dan tiga. Setiap satu fakulti menggunakan 17, 14, 12, sembilan, lapan dan tiga pelajar manakala dua fakulti menggunakan enam pelajar dan lima fakulti yang lain menggunakan lima pelajar. Walau pun pembahagian di sini tidak seimbang namun data yang diperolehi menepati keperluan data yang dikehendaki iaitu jumlah responden lelaki 42 pelajar dan jumlah responden perempuan 58 pelajar. Pecahan responden mengikut etnik juga memenuhi bilangan yang diperlukan.

vii. Universiti Utara Malaysia

Jadual 3.11: Pecahan Pelajar UUM Mengikut Fakulti.

Bilangan	Jumlah Fakulti (13)	Responden Lelaki (42)	Responden Perempuan (58)	Etnik Melayu (41) Cina (47) India (12)	Jumlah Soal Selidik (100)
1.	Komunikasi dan Bahasa Moden	7 9 1	8 9 2	M C I	15 18 3 = 36
2.	Ekonomi Pengurusan dan Perniagaan	2 3 1	2 4 2	M C I	4 7 3 = 14
3.	Teknologi Maklumat	1 2 1	1 2 2	M C I	2 4 3 = 9
4.	Pengurusan Awam dan Undang-Undang	1 1 1	1 1 2	M C I	2 2 3 = 7
5.	Sains Kuantitatif	1 2 -	1 3 -	M C I	2 5 - = 7
6.	Pembangunan Sosial dan Manusia	1 1 -	- 2 -	M C I	1 3 - = 4
7.	Pengurusan	1	1	M	2

	Teknologi	1 -	1 -	C I	2 = 4 -	
8.	Pengurusan Perniagaan	1 - -	1 1 -	M C I	2 1 = 3 -	
9.	Pengajian Antarabangsa	2 - -	2 1 -	M C I	4 1 = 5 -	
10.	Pelancongan	1 - -	1 - -	M C I	2 - = 2 -	
11.	Kewangan dan Perbankan	- - -	2 - -	M C I	2 - = 2 -	
12.	Sains Kognitif dan Pendidikan	- - -	2 - -	M C I	2 - = 2 -	
13.	Undang- Undang	- 1 -	1 3 -	M C I	1 4 = 5 -	
JUMLAH		-	42	58	-	100

Jadual di atas menunjukkan jumlah pelajar di universiti ini ialah 100 pelajar yang terdiri daripada golongan lelaki 42 pelajar dan perempuan 58 pelajar. Bilangan yang berbangsa Melayu ialah 41 pelajar, Cina 47 pelajar dan India 12 pelajar. Jumlah fakulti yang dijadikan sampel kajian ialah 13 manakala jumlah bilangan pelajar bagi setiap fakulti ialah 36, 14, sembilan, tujuh, empat, tiga, dua dan satu pelajar. Hanya satu fakulti sahaja iaitu Komunikasi dan Bahasa Moden yang menggunakan sejumlah 36 pelajar manakala tiga fakulti lain yang setiap satunya menggunakan 14 pelajar, sembilan pelajar dan satu pelajar. Enam fakulti lagi yang setiap duanya menggunakan tujuh pelajar, empat pelajar dan tiga pelajar manakala enam fakulti menggunakan dua pelajar. Keseluruhannya memperlihatkan bahawa purata jumlah responden lelaki, perempuan berbangsa Melayu, Cina dan India mencapai jumlah data yang diperlukan walau pun pecahan pelajar mengikut fakulti tidak seimbang. Ini mungkin disebabkan pelajar fakulti yang berkenaan tidak mempunyai masa yang banyak untuk menjawab soal selidik yang diedarkan berbanding pelajar dari fakulti yang banyak menjawab soal selidik tersebut.

viii. Universiti Teknologi Malaysia

Jadual 3.12: Pecahan Pelajar UTM Mengikut Fakulti.

Bilangan	Jumlah Fakulti (8)	Responden Lelaki (42)	Responden Perempuan (58)	Etnik Melayu (40) Cina (47) India (13)	Jumlah Soal Selidik (100)
1.	Kejuruteraan Elektrik	6 8 1	6 8 2	M C I	12 16 = 31 3
2.	Sains Informasi	3 4 1	3 5 2	M C I	6 9 = 18 3
3.	Kejuruteraan Sivik	2 4 1	2 4 2	M C I	4 8 = 15 3
4.	Pendidikan	1 2 1	1 3 2	M C I	2 5 = 10 3
5.	Alam Bina	2 2 -	1 3 1	M C I	3 5 = 9 1
6.	Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli	2 - -	3 3 -	M C I	5 3 = 8 -
7.	Komputer Sains	- - -	4 1 -	M C I	4 1 = 5 -
8.	Peng. dan Pembangunan Sumber Manusia	2 - -	2 - -	M C I	4 - = 4 -
JUMLAH	-	42	58	-	100

Jumlah pecahan pelajar berdasarkan fakulti yang ditunjukkan dalam jadual di atas ialah 100 pelajar yang terdiri daripada pelajar golongan lelaki dan perempuan berbangsa Melayu, Cina dan India. Pembahagian mereka ialah 42 responden lelaki dan 58 responden perempuan manakala 40 daripada bangsa Melayu, 47 berbangsa Cina dan 13 berbangsa India. Lapan fakulti telah diambil kira dalam kajian ini dan pembahagian pelajar mengikut fakulti ialah 31, 18, 15, 10, sembilan, lapan, lima dan empat. Fakulti Kejuruteraan Elektrik mempunyai bilangan pelajar yang paling tinggi menjawab soal selidik yang diedarkan manakala dua fakulti lagi juga mempunyai bilangan pelajar

yang agak tinggi juga iaitu 18 pelajar dan 15 pelajar. Taburan untuk fakulti lain sederhana sahaja dan taburan pelajar menepati data yang diperlukan.

ix. Universiti Malaysia Sabah

Jadual 3.13: Pecahan Pelajar UMS Mengikut Fakulti.

Bilangan	Jumlah Fakulti (11)	Responden Lelaki (42)	Responden perempuan (58)	Etnik Melayu (42) Lain-lain (58)	Jumlah Soal Selidik (100)	
1.	Sains Sosial	4 4	4 7	M L	8 11 = 19	
2.	Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat	2 2	3 4	M L	5 6 = 11	
3.	Perniagaan dan Ekonomi	2 2	2 4	M L	4 6 = 10	
4.	Sains Maklumat dan Pemakanan	2 2	2 4	M L	4 6 = 10	
5.	Sains dan Teknologi	2 2	3 2	M L	5 4 = 9	
6.	Pengajian Seni	2 2	3 2	M L	5 4 = 9	
7.	Psikologi	1 3	2 3	M L	3 6 = 9	
8.	Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa	1 3	2 3	M L	3 6 = 9	
9.	Biologi Tropika dan Pemuliharaan	1 3	2 3	M L	3 6 = 9	
10.	Pendidikan dan Pembangunan Sosial	1 1	1 1	M L	2 2 = 4	
11.	Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa	- -	- 1	M L	- 1 = 1	
JUMLAH		-	42	58	-	100

Jadual di atas menunjukkan jumlah pecahan pelajar secara keseluruhan ialah 100 pelajar yang terdiri daripada pelajar golongan lelaki dan perempuan berbangsa Melayu dan pelbagai suku kaum yang ada di Sabah. Pembahagian mereka adalah berdasarkan 42 pelajar berbangsa Melayu dan 58 pelajar daripada bangsa lain. Jumlah fakulti yang diambil kira ialah 11 dengan purata pembahagian pelajar ialah 19, 11, 10,

sembilan, empat dan satu. Satu fakulti menggunakan seramai 19 pelajar dan satu fakulti lagi juga menggunakan 11 pelajar manakala dua fakulti menggunakan 10 pelajar dan lima fakulti menggunakan sembilan pelajar. Empat pelajar lagi diperoleh daripada satu fakulti lain dan hanya satu pelajar dari Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa. Secara keseluruhannya, pecahan ini agak seimbang walau pun dua fakulti mempunyai jumlah bilangan pelajar agak tinggi iaitu 19 pelajar dan 11 pelajar manakala dua fakulti lagi mempunyai jumlah pelajar yang agak rendah iaitu empat pelajar dan seorang pelajar.

x. Universiti Malaysia Sarawak

Jadual 3.14: Pecahan Pelajar UNIMAS Mengikut Fakulti.

Bilangan	Jumlah Fakulti (10)	Responden Lelaki (42)	Responden perempuan (58)	Etnik Melayu (43) Lain-lain (57)	Jumlah Soal Selidik (100)
1.	Ekonomi dan Perniagaan	2 3	4 4	M L	6 7 = 13
2.	Kejuruteraan	2 3	4 4	M L	6 7 = 13
3.	Sains Gunaan dan Kreatif	2 3	4 4	M L	6 7 = 13
4.	Komputer Sains dan Teknologi Maklumat	2 3	4 4	M L	6 7 = 13
5.	Sains Sosial	2 3	4 4	M L	6 7 = 13
6.	Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia	3 3	2 4	M L	5 7 = 12
7.	Sains dan Teknologi Sumber	3 3	1 4	M L	4 7 = 11
8.	Perubatan dan Sains Kesihatan	2 3	1 4	M L	3 7 = 10
9.	Pengajaran Bahasa Inggeris	-	1 -	M L	1 - = 1
10.	Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti	-	- 1	M L	- 1 = 1
JUMLAH	-	42	58	-	100

Taburan data dalam jadual di atas menunjukkan bahawa jumlah pelajar yang dijadikan responden ialah 100 pelajar yang terdiri daripada responden lelaki 42 pelajar, perempuan 58 pelajar, golongan yang berbangsa Melayu seramai 43 pelajar dan bangsa lain seramai 57 pelajar. Jumlah fakulti yang difokuskan ialah 10 fakulti dengan pecahan 13 pelajar untuk lima fakulti, 12 pelajar untuk satu fakulti, 11 pelajar lagi untuk satu fakulti yang lain dan 10 pelajar untuk Fakulti Perubatan. Walau pun pecahan mengikut fakulti ini tidak seimbang namun terdapat dua fakulti sahaja yang mempunyai bilangan responden agak kurang iaitu seorang dari Fakulti Pengajaran Bahasa Inggeris dan seorang lagi dari Fakulti Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti.

Kesemua jadual di atas, menunjukkan pengagihan pelajar berdasarkan fakulti, gender dan bangsa. Jumlah fakulti dan program pengajian tidak menjadi ukuran dalam kajian ini kerana kajian hanya mengkaji tentang keprihatinan pelajar dari aspek sikap, tingkah laku dan ilmu pengetahuan mereka dan bagaimana ia bertindak balas dengan aspek yang dikaji. Walaupun pecahan pelajar untuk tahun pengajian dan program pengajian tidak dinyatakan dalam jadual tetapi dinyatakan dalam borang soal selidik di dalam maklumat biodata. Pecahan pelajar India pula merupakan pemilihan yang dibuat secara rambang sahaja. Oleh itu, faktor gender dan bangsa merupakan asas kepada latar belakang responden yang dikaji manakala faktor lain seperti tahun pengajian dan program pengajian boleh diambil kira sebagai faktor yang berkait dengan sikap dan tingkah laku pelajar.

3.5 Penutup

Moser dan Kalton (1972) dalam bukunya berjudul, *Survey Methods in Social Investigations* menyatakan salah satu aspek dalam pendekatan membuat analisis data ialah aspek statistik inferensi. Aspek ini memberikan penekanan kepada data yang dikutip berasaskan sampel dan bagaimana cara untuk mentaksirkannya. Analisis akan dibuat dengan mengagihkan data mengikut kategori tertentu dan kemudian dimasukkan ke dalam komputer untuk dibuat analisis selanjutnya. Data dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* dan hasilnya akan dicerakinkan mengikut pembahagian untuk dianalisis dalam bentuk tafsiran data. Analisis seharusnya boleh menjawab persoalan yang dikaji dan objektif yang dinyatakan. Data kuantitatif akan diperturunkan dalam bentuk data statistik berdasarkan rajah dan jadual. Ini bertujuan untuk memudahkan pembacaan dibuat. Manakala data dalam bentuk kualitatif iaitu yang berbentuk soalan terbuka tentang cadangan dan pandangan responden akan diolah dan dihuraikan dalam bentuk laporan bertulis.

Langkah terakhir dalam kajian ini ialah mengemukakan penemuan daripada hasil kajian yang dilakukan. Hasil penemuan akan membentangkan kaedah penyelidikan, maklumat latar dan kesimpulan yang berbangkit daripada kajian. Secara keseluruhannya, cadangan dan penambahbaikan turut disenaraikan.